

Tingkatkan mutu pengajaran di SK — Rahman

UM 1 DEC 2002

KUALA LUMPUR 30 Nov. — Kerajaan perlu mempertingkatkan mutu pengajaran di sekolah kebangsaan (SK) sekiranya mahu menarik lebih ramai ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah berkenaan.

Tokoh pendidik, **Tan Sri Abdul Rahman Arshad** berkata, mutu pengajaran dapat dipertingkatkan dengan menggunakan sukatan pelajaran yang sesuai dan berintegrasi, mempunyai guru berkelayakan dan kemudahan yang serba lengkap.

“Selama ini ada yang berpendapat sekolah lain lebih bermutu berbanding sekolah kebangsaan kerana persediaan dan kelengkapan sekolah kebangsaan masih belum mencukupi,” katanya kepada *Mingguan Malaysia* hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan sedang mengkaji keseluruhan sistem persekolahan sedia ada bagi memastikan anak-anak dapat bersekolah di sekolah kebangsaan.

Perdana Menteri yang akan memperkerusi badan yang akan mengkaji perkara itu berkata, ia juga bagi menentukan perjalanan sekolah kebangsaan tidak dicampuri oleh pihak-pihak yang tidak berkenaan.

Abdul Rahman berkata, kera-

jaan perlu juga memastikan bahawa sekolah kebangsaan itu menjadi tempat menyediakan pelajar yang mampu menghadapi cabaran dari segi kemajuan, pembangunan ekonomi dan perpaduan rakyat.

Selain itu katanya, sekolah kebangsaan itu perlu memberi ruang kepada pelajar pelbagai kaum berinteraksi melalui aktiviti harian mereka.

Ditanya apakah faktor kerajaan kini memberi penekanan kepada sekolah kebangsaan, beliau berkata:

“Saya rasa antara sebabnya ialah sambutan terhadap sekolah wawasan tidak begitu baik, ada tuntutan pihak tertentu yang enggan menggantikan bahasa ibunda mereka kepada bahasa Inggeris dan tuntutan 17 perkara yang dibangkitkan oleh pihak tertentu satu masa dahulu.”

Justeru beliau menyokong penuh supaya peranan sekolah kebangsaan diberi perhatian utama sejajar dengan nama ‘kebangsaan’ yang ada pada sekolah tersebut.

“Apabila ada ‘kebangsaan’ ialah perlu menjadi sekolah utama,” katanya.

Beliau berkata, sebelum merdeka sekolah yang ada ialah sekolah kebangsaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil, Cina dan Inggeris.